

Ruj. Kami : ST/IP/PPTKP/DSM)13/25/1 JLD2 (25)

Tarikh : 1 Mac 2018

Semua Pengilang & Pengimport
Kelengkapan Elektrik

Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

MAKLUMAN TARIKH PELAKSANAAN *MINIMUM ENERGY PERFORMANCE STANDARDS* (MEPS) BAGI KELENGKAPAN ELEKTRIK – PETI SEJUK, PENGHAWA DINGIN DAN MESIN BASUH

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa tarikh pelaksanaan bagi keperluan memenuhi minimum energy performance standards (MEPS) barubertarikh 1 Mac 2018 bagi kelengkapan peti sejuk, penghawa dingin dan mesin basuh untuk permohonan Certificate of Approval (CoA) akan berkuatkuasa mengikut tarikh berikut:-

KELENGKAPAN	TARIKH PELAKSANAAN
Penghawa Dingin	1 Jun 2018
Peti Sejuk	1 Jun 2018
Mesin Basuh	1 September 2018

3. Bermula dari tarikh tersebut, permohonan perakuan kelulusan mengilang, mengimport, menjual dan mempamer kelengkapan elektrik hendaklah dilampirkan bersama salinan laporan ujian prestasi penggunaan tenaga yang terkini mengikut standard pengujian yang telah ditetapkan didalam panduan yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga seperti berikut:


KELENGKAPAN	DOKUMEN
Pengahawa Dingin	Guide on Minimum Energy Performance Standard Requirement for Air Conditioner with Cooling Capacity \leq 7.1 kW
Peti Sejuk	Guide on Minimum Energy Performance Standard Requirement for Refrigerator
Mesin Basuh	Guide on Minimum Energy Performance Standard Requirement for Washing Machine

2. Panduan-panduan diatas boleh dimuat turun dari laman sesawang Suruhanjaya Tenaga di alamat <http://www.st.gov.my/index.php/en/download-page>.

3. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar pihak tuan mengambil tindakan sewajarnya bagi tujuan permohonan perakuan kelulusan mengilang, mengimport, menjual dan mempamer kelengkapan elektrik yang terlibat.

Sekian , terima kasih

Yang benar,



(Ir. ABDUL RAHIM IBRAHIM)

Pengarah

Jabatan Pengurusan Tenaga dan Pembangunan Kualiti Perkhidmatan
Suruhanjaya Tenaga